

# Syarahan Perdana STEM Medan Bincang Berkaitan Pupuk Minat Dalam Bidang STEM

Terakhir dikemaskini: Rabu, 10 Oktober 2018 16:58 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 141

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**RABU, 10 OKTOBER**  
— Syarahan Perdana Science, Technology, Engineering and Mathematic (STEM) yang berlangsung di Dewan Resital,

Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini menjadi medan percambahan ilmu berkaitan wadah dalam memupuk minat anak-anak muda khususnya dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

Program anjuran Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST) UMS itu menampilkan dua pakar sebagai penceramah jemputan yang mempunyai kaitan kuat dengan gerakan STEM iaitu Pengerusi National STEM Movement, Prof. Dato' Dr. Noraini Idris dan Pengarah Pusat Asasi STEM, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Laili Che Rose.

Kedua-dua Penceramah berkongsi mengenai kepentingan STEM pada masa kini yang mampu menjadi platform paling efektif dalam usaha menyediakan graduan mahir dalam ilmu sains, matematik dan kejuruteraan selaras dengan kepesatan Revolusi Industri 4.0.

Menurut Prof. Dato' Dr. Noraini, pelbagai keputusan mampu dibuat berdasarkan perbincangan akademik yang membincangkan isu perkembangan sains terhadap kelestarian alam dan perbincangan melalui bentuk syarahan seperti ini dapat membuka jalan penambahbaikan kepada banyak perkara.

“Saya percaya para peserta mempunyai kemampuan untuk menjadi seorang mahir dengan ilmu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik sekali gus menyumbang kepada kemajuan negeri Sabah dan negara kita Malaysia,” katanya.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin dalam ucapannya berkata, program syarahan perdana STEM itu merupakan program yang julung kalinya diadakan sebagai inisiatif universiti untuk menyokong perkembangan sains dan teknologi di negeri Sabah.

“Ilmu dan perkongsian penceramah dalam sesi syarahan ini mampu menonjolkan kehebatan sains dan keperluan sains dalam kehidupan seharian sama ada sebagai saintis atau pentadbir.

“Justeru, saya menyeru kepada semua pelajar, ambillah peluang ini untuk melengkapkan ilmu dan pengetahuan mengenai gerakan STEM, moja anda yang hadir hari ini merupakan bakal graduan STEM yang mampu menyumbang semula kepada negeri yang kita cintai ini,” katanya dalam teks ucapan yang dibacakan Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS, Prof. Dr. Hj. Mohd Dahlan Hj. A. Malek.

Turut hadir pada majlis syarahan itu, Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Prof. Dr. Ismail Ibrahim.